

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2016/2017

NAMA KURSUS	:	PENGENALAN KEPADA HOSPITALITI DAN PELANCONGAN
KOD KURSUS	:	BBP 17303
KOD PROGRAM	:	BBC
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2016 / JANUARI 2017
JANGKA MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

SULIT

S1 Sektor perkhidmatan makanan dan minuman di Malaysia telah berkembang pesat dan produk makanan dan minuman ini adalah merupakan salah satu tarikan pelancong. Berdasarkan kenyataan di atas:

- (a) Berikan **LIMA (5)** kriteria perkhidmatan makanan dan minuman (5 markah)
- (b) Senaraikan **SEPULUH (10)** jenis perkhidmatan makanan di Malaysia (10 markah)
- (c) Terangkan faktor-faktor yang menyumbang terhadap pertambahan bilangan pengusaha makanan di Malaysia (10 markah)

S2 Dalam “*Disney Service Model*” perkataan **SERVICE** memberi gambaran betapa penting perkhidmatan berkualiti dalam industri pelancongan dan hospitaliti.

- (a) Terangkan apakah maksud setiap satu huruf bagi perkataan **SERVICE** (5 markah)
- (b) Terangkan bagaimana model ini boleh digunakan dalam perkhidmatan di kaunter hadapan sesebuah hotel dan resort (20 markah)

S3 Dalam era teknologi moden, perkhidmatan makanan telah membawa banyak kemajuan dalam kaedah sajian. Perkhidmatan makanan boleh dikendalikan dengan pelbagai cara mengikut jenis yang disediakan.

- (a) Berikan makna cara sajian berikut:
- (i) Tatasajian Eropah
(ii) Tatasajian Russia
(iii) Tatasajian India
(iv) Tatasajian Cina
(v) Tatasajian Melayu (10 markah)

TERBUKA

(b) Terangkan beserta contoh pelbagai cara perkhidmatan:

- (i) Perkhidmatan *Plate/Silver*
- (ii) Perkhidmatan *Buffet*
- (iii) Perkhidmatan Pandu lalu “*Drive – Thru*”
- (iv) Perkhidmatan *Dulang/Tray Service*
- (v) Perkhidmatan *Layan Diri*

(15 markah)

S4 Graduan dalam bidang hospitaliti dan pelancongan semakin bertambah dari tahun ke tahun walaubagaimanapun masalah kekurangan pekerja dalam sektor ini masih lagi berleluasa. Berdasarkan pernyataan ini:

(a) Bincangkan faktor-faktor mengapa graduan tidak berada lama untuk meneruskan kerjaya mereka dalam industry ini. (12 markah)

(b) Rancang satu kaedah pengurusan sumber manusia yang strategik yang memberi manfaat kepada industri hospitaliti dalam menangani masalah kekurangan pekerja di dalam bidang ini. (13 markah)

- SOALAN TAMAT -

TERBUKA